

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PENGAJIAN AM

**PEPERIKSAAN AKHIR
SESI JUN 2016**

DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2016
TEMPOH : 3.00 PM - 4.00 PM (1 JAM)**


Kertas ini mengandungi **DUA BELAS (12)** halaman bercetak.
Objektif (40 soalan)
Dokumen sokongan yang disertakan: Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN
(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

ARAHAN:

Bahagian ini mengandungi **EMPAT PULUH (40)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.



Soalan No 1 & No 2 berdasarkan Rajah 1.

- CLO1
C1
- Rajah di atas merujuk kepada sistem pentadbiran kerajaan Melayu Melaka. Sistem pentadbiran ini dikenali sebagai _____.

- A. Sistem Raja Mutlak
- B. Sistem Pembesar Berhierarki
- C. Sistem Pembesar Empat Lipatan
- D. Sistem Hierarki Empat Pembesar

- CLO1
C1
- Jawatan Penghulu Bendahari menduduki tangga ke berapa dalam hierarki Sistem Pembesar Empat Lipatan?

- A. Dua
- B. Tiga
- C. Empat
- D. Pertama

- CLO1
C1
- Antara akhbar berikut, yang manakah berperanan sebagai 'lidah' orang Melayu menyampaikan tentang terhadap Malayan Union?

- | | |
|------------|-----------------|
| A. Saudara | C. Majlis |
| B. Al-Iman | D. Panduan Guru |

- CLO1
C1
- Kerajaan Melayu Melaka mempunyai dua sistem undang-undang iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Berapakah Fasal yang terdapat di dalam Undang-undang Laut Melaka?

- A. 44 Fasal
- B. 34 Fasal
- C. 24 Fasal
- D. 14 Fasal

- CLO1
C1
- Pernyataan berikut berkaitan isi kandungan Hukum Kanun Melaka **KECUALI**

- i. Tanggungjawab raja dan pembesar
- ii. Pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat
- iii. Hal yang berkaitan dengan maritim dan perdagangan
- iv. Tugas-tugas nakhoda diumpamakan sebagai imam dan anak buah kapal sebagai maknum

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv

- CLO 1
C1
- Negeri-Negeri Selat yang dibentuk oleh pihak British terdiri daripada _____

- A. Sarawak, Sabah dan Brunei
- B. Perak, Pahang dan Selangor
- C. Kedah, Kelantan dan Terengganu
- D. Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

- CLO 1
C1
- Apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan Dato' Onn Jaafar dan orang Melayu menentang Malayan Union?

- i. Raja-raja Melayu hilang kedaulatan
- ii. Hak istimewa orang Melayu terancam
- iii. Pemberian kerakyatan secara prinsip *jus soli* kepada orang asing
- iv. Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu melalui kekerasan, ugutan dan paksaan

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

	SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA		SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA
CLO 1 C1	<p>8. Suruhanjaya yang terbabit dalam meninjau pendapat masyarakat Sabah dan Sarawak terhadap idea gagasan Malaysia adalah _____</p> <p>A. Suruhanjaya Reid B. Suruhanjaya Edward C. Suruhanjaya Cobbold D. Suruhanjaya Swettenham</p>		CLO 2 C2	<p>12. Penyataan yang manakah BENAR tentang bidang kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong?</p> <p>i. Melantik Perdana Menteri ii. Melantik ahli Dewan Undangan Negeri iii. Membubarkan Dewan Undangan Negeri baginda sendiri iv. Mempersetujui atau tidak bersetuju permintaan Perdana Menteri untuk pembubaran parlimen</p> <p>A. i dan ii B. i dan iv C. ii dan iii D. iii dan iv</p>	
CLO 2 C1	<p>9. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi dalam negara. Berikut adalah peruntukan istimewa yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan KECUALI</p> <p>A. Rakyat berhak mendapat pendidikan B. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi C. Islam merupakan agama rasmi persekutuan D. Hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera</p>		CLO 2 C2	<p>13. Dalam Perlembagaan Persekutuan kebebasan beragama merujuk kepada _____</p> <p>A. Agama Islam sebagai agama rasmi negara B. Setiap orang boleh menubuhkan yayasan agama masing-masing C. Setiap orang menyebarkan dan memberi kefahaman tentang agama D. Setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya sendiri</p>	
CLO2 C1	<p>10. Jadual Kesembilan dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pembahagian kuasa perundangan kepada tiga bahagian iaitu Senarai Persekutuan, Senarai Bersama dan Senarai Negeri. Antara perkara berikut, yang manakah termasuk dalam Senarai Bersama?</p> <p>A. Kewarganegaraan B. Pemeliharaan warisan C. Hal ehwal agama Islam D. Perubatan dan kesihatan</p>		CLO 2 C2	<p>14. Dewan Rakyat merupakan komponen yang sangat penting dalam badan perundangan Malaysia. Berikut adalah syarat-syarat kelayakan menjadi ahli Dewan Rakyat KECUALI</p> <p>A. Warganegara Malaysia B. Berumur 21 tahun ke atas C. Muflis yang masih berterusan D. Bermastautin di Persekutuan</p>	
CLO2 C2	<p>11. Sistem pemerintahan demokrasi berparlimen ialah pemerintahan yang dijalankan secara perwakilan. Ciri-ciri sebuah pemerintahan demokrasi di Malaysia ialah _____</p> <p>i. Pilihan Raya ii. Rakyat menentukan kerajaan iii. Pembahagian kuasa antara kerajaan negeri dengan kerajaan Persekutuan iv. Pembahagian kuasa pentadbiran seperti pentadbiran, perundangan dan kehakiman</p> <p>A. i, ii dan iii B. i, ii dan iv C. ii, iii dan iv D. i, ii, iii dan iv</p>		CLO 2 C2	<p>Izhar adalah seorang warganegara Indonesia yang berusia 25 tahun dan telah bermastautin di Malaysia melebihi 10 tahun</p> <p>15. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah taraf kewarganegaraan yang boleh dimiliki oleh Izhar?</p> <p>A. Kewarganegaraan secara pendaftaran B. Tidak boleh memperoleh kewarganegaraan C. Kewarganegaraan secara kemasukan naturalisasi D. Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang</p>	

- Mahkamah Rayuan
- Mahkamah Persekutuan
- Mahkamah Tinggi Melaya serta Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

CLO 2
C2

16. Jelaskan kategori mahkamah berdasarkan senarai di atas?

- A. Mahkamah Khas
- B. Mahkamah Negeri
- C. Mahkamah Atasan
- D. Mahkamah Rendah

CLO 2
C2

17. Pilihan raya umum bagi memilih wakil-wakil Dewan Rakyat perlu diadakan apabila Parlimen dibubarkan. Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk mengadakan pilihan raya bagi memilih wakil Dewan Rakyat yang baharu dari tarikh Parlimen dibubarkan bagi Sabah dan Sarawak?

- A. 60 hari
- B. 90 hari
- C. 100 hari
- D. 120 hari

CLO 2
C2

18. Pengasingan kuasa merujuk kepada pembahagian kuasa pemerintahan kepada badan perundungan, badan pentadbiran dan badan kehakiman. Kuasa badan kehakiman adalah _____

- A. Menguatkuasakan undang-undang negara
- B. Mentafsir dan menguatkuasakan perlembagaan
- C. Menjalankan dasar-dasar yang dirancang oleh kerajaan
- D. Menjatuhkan hukuman kepada pesalah-pesalah melalui pihak mahkamah

CLO3
C2

19. Masyarakat Sabah terdiri daripada 23 etnik bumiputera dan dikenal pasti berdasarkan penempatan mereka. Berikut merupakan kumpulan etnik peribumi di Sabah **KECUALI**

- A. Bajau
- B. Murut
- C. Bidayuh
- D. Kadazan

20. Etnik _____ ialah masyarakat Portugis dan Belanda yang berkahwin dengan orang Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- A. Bajau
- B. Serani
- C. Bidayuh
- D. Orang Sungai

21. Setiap kumpulan etnik menyedari serta menghormati norma dan nilai kumpulan etnik yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Penyataan ini menerangkan tentang proses_____.

- A. Akulturasi
- B. Akomodasi
- C. Segregasi
- D. Asimilasi

22. Masyarakat memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan dan integrasi antara kaum. Berdasarkan lima tahap integrasi, kaum Baba dan Nyonya di Melaka telah mengalami proses _____.

- A. Asimilasi
- B. Segregasi
- C. Akomodasi
- D. Amalgamasi

23. Padanan yang manakah **BENAR** menerangkan tentang tahap integrasi masyarakat Malaysia.

A.	Segregasi	Penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau kelompok daripada sesuatu kebudayaan yang lain
B.	Akulturasi	Proses sosial yang menyebabkan individu atau kumpulan tertentu dipisahkan atau diasingkan
C.	Asimilasi	Kumpulan etnik menyesuaikan diri dalam keadaan yang pelbagai budaya serta hidup dalam aman dan harmoni
D.	Amalgamasi	budaya atau ras bercampur untuk membentuk satu budaya atau ras baharu seperti perkahwinan campur antara kumpulan etnik

	SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA		SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA
CLO3 C2		24. Peristiwa 13 Mei 1969 telah mencatatkan sejarah pahit di Malaysia dan tragedi ini tidak boleh dilupakan sehingga kini. Semua pernyataan berikut adalah benar berkaitan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 KECUALI		CLO3 C3	28. Kerajaan telah mengambil langkah mengekalkan pembangunan pesat ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995). Kaitkan langkah-langkah tersebut dengan program di bawah.
		A. Rusuhan tercetus sebaik sahaja selepas Pilihan Raya 1969 B. Rusuhan ini bermula di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya sahaja C. Rusuhan ini bermula apabila orang Melayu melakukan pemberontakan D. Rusuhan ini tercetus melibatkan dua kaum majoriti iaitu Melayu dan Cina			A. Memperkenalkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) B. Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam ekonomi negara C. Menyusun semula lapisan masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru D. Menubuhkan Pertubuhan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)
CLO3 C3		25. Pilih pernyataan di bawah, yang manakah menerangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan etnik dalam aspek perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia.		CLO3 C3	29. Salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan adalah untuk membasmi kemiskinan masyarakat Malaysia selepas merdeka. Senaraikan usaha kerajaan ke arah mencapai matlamat tersebut.
		i. Perkongsian kuasa politik ii. Sistem pemerintahan penjajah iii. Sistem pendidikan yang berbeza iv. Pertumbuhan ekonomi yang baik			i. Wujudkan peluang pekerjaan ii. Memodenkan kehidupan luar bandar iii. Mengelakkan corak pertanian tradisional iv. Kebergantungan ekonomi melalui orang tengah
		A. i, ii dan iii B. i, ii dan iv C. i, iii dan iv D. i, ii, iii dan iv			A. i dan ii B. i dan iii C. ii dan iii D. ii dan iv
CLO3 C3		26. Beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah perpaduan dan integrasi nasional selepas kemerdekaan. Senaraikan langkah-langkah tersebut.			Soalan 30 dan 31 adalah berdasarkan pernyataan di bawah.
		i. Pemisahan tempat tinggal ii. Penyatuan fahaman politik iii. Penyeragaman sistem pendidikan iv. Melancarkan dasar Ekonomi Baru (DEB)			Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibuat untuk mewujudkan perpaduan dan keperibadian kebangsaan. Pembinaan kebudayaan ini penting untuk melahirkan nilai-nilai dinamik, progresif, demokratik dan rasional dalam kalangan masyarakat Malaysia.
		A. i, ii dan iii B. i, ii dan iv C. i, iii dan iv D. ii, iii dan iv			
CLO3 C3		27. Rancangan pembangunan negara terbahagi kepada tiga peringkat iaitu perancangan pramerdeka, perancangan selepas merdeka dan perancangan era Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pilih pernyataan yang TIDAK BENAR mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB).		CLO3 C3	30. Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah BUKAN asas utama pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
		A. Diperkenalkan akibat peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 B. Menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara perindustrian baharu C. Dilancarkan oleh kerajaan Malaysia melalui Rangka Jangka Panjang (RRJP) antara tahun 1971-1990 D. Digubalkan untuk membetulkan jurang sosioekonomi antara kaum bumiputera dengan bukan Bumiputera			A. Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu B. Kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara C. Sistem pendidikan yang diamalkan dalam negara D. Kepelbagaian kaum dan warisan rakyat Malaysia

	SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA		SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA
CLO3 C3	<p>31. Merujuk kepada pernyataan di atas, pilih objektif-objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara ii. Mengelakkan percampuran budaya yang berbilang kaum iii. Memperkayakan dan memelihara keperibadian kebangsaan iv. Membentuk kerohanian yang seimbang dengan pembangunan <p>A. i, ii dan iii B. i, ii dan iv C. i, iii dan iv D. ii, iii dan iv</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <ul style="list-style-type: none"> • Pemantapan integriti sektor korporat. • Peningkatan komitmen terhadap pertanggungjawaban sosial. • Pengawasan dan penguatkuasaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. </div>		CLO3 C3	<p>35. Senarai aktiviti di bawah merupakan peranan Malaysia dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) KECUALI</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Mendokong operasi pengaman secara berterusan B. Mempromosikan nilai kesederhanaan (moderasi) pada peringkat global C. Menjadi pusat bagi mengharmonikan tindakan-tindakan negara anggota D. Membantu mempromosikan proses keamanan di negara yang bergolak <p>36. Matlamat pertubuhan ini adalah untuk mewujudkan persahabatan dan perpaduan, pembangunan ekonomi, pendidikan, pertahanan, pertanian dan perundungan yang baik antara semua negara bekas jajahan British. Matlamat tersebut boleh dikaitkan dengan pertubuhan _____.</p> <ul style="list-style-type: none"> A. PBB B. NAM C. ASEAN D. KOMANWEL 	
CLO3 C3	<p>32. Hubungkaitkan pernyataan di atas dengan pelaksanaan agenda integriti Nasional.</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Politik B. Agama C. Ekonomi D. Sosiod budaya 		CLO3 C3	<p>Soalan 37 dan 38 adalah berdasarkan pernyataan di bawah.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin-top: 10px;"> <p>Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar memerlukan penglibatan dan kerjasama yang baik daripada semua pihak. Malaysia telah merancang dan melaksanakan pelbagai usaha untuk menangani masalah persekitaran.</p> </div>	
CLO3 C3	<p>33. <i>Organisation of Islamic Conference</i> (OIC) ditubuhkan pada tahun 1971 atas cadangan Malaysia. Kenalpasti faktor utama Malaysia mencadangkan penubuhan tersebut?</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Menyatupadukan umat Islam di Timur Tengah B. Membentuk kuasa besar dalam kalangan negara Islam C. Mengukuhkan hubungan antara negara Islam dan barat D. Mewujudkan kerjasama pelbagai bidang antara negara Islam 		CLO3 C3	<p>37. Merujuk kepada pernyataan di atas, berikut merupakan langkah-langkah kerajaan sebagai usaha dalam memelihara alam sekitar KECUALI</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Mengalakkkan pembangunan yang pesat di seluruh Negara. B. Memelihara dan memulihara sumber asli dan warisan kebudayaan yang unik. C. Mencapai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif untuk generasi masa depan. D. Mengalakkkan cara hidup serta corak penggunaan dan pengeluaran yang sejajar dengan prinsip pembangunan mampan. 	
CLO3 C3	<p>34. ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dengan dianggotai Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia. Berdasarkan pernyataan di bawah, pilih projek yang dilaksanakan oleh Malaysia dengan negara-negara ASEAN.</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Projek Vaksin Hepatitis B B. Pembentukan Kumpulan G-15 C. Persidangan Ketua-Ketua CHOGM D. Penambahbaikan Sistem Pendidikan 				

CLO3
C3

38. Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah **TIDAK BENAR** dengan prinsip-prinsip pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

- A. Menjanakan pendapatan negara
- B. Penglibatan aktif di peringkat antarabangsa.
- C. Iltizam dan akauntabiliti terhadap kualiti alam sekitar
- D. Pemuliharaan kesuburan tanah dan kualiti alam sekitar

"Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."

CLO3
C3

39. Merujuk kepada pernyataan di atas, senaraikan matlamat pendidikan di Malaysia.

- i. Memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia
 - ii. Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan Negara.
 - iii. Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu.
 - iv. Memperkuatkukan lagi sistem ekonomi Negara.
- A. i dan ii
- B. i, ii, dan iii
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

CLO3
C3

40. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal dan merancang kurikulum untuk dilaksanakan di semua peringkat pendidikan. Kenalpasti pernyataan yang **TIDAK BENAR** berkaitan dengan strategi pelaksanaan kurikulum di sekolah.

- A. Menyediakan bahan sokongan kurikulum untuk menyokong pelaksanaan kurikulum
- B. Memberi penekanan terhadap penghayatan agama dan nilai-nilai murni dalam aktiviti kokurikulum.
- C. Menyediakan, menyemak dan mengemaskini kurikulum sedia ada mengikut keperluan semasa dan masa hadapan
- D. Menyemak dan meminda atau membuat perubahan kurikulum berdasarkan perubahan dasar pendidikan dan dasar utama negara

SOALAN TAMAT